

Dr. Mahathir seorang pelajar yang pintar

27 DEC 1993

ALUR SETAR 20 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir adalah seorang pelajar yang pintar tetapi beliau tidak suka menunjukkan kepandaiannya kepada pelajar lain.

Oleh itu apabila guru bertanya soalan, beliau jarang mengangkat tangan sekalipun tahu jawapan kepada soalan tersebut.

Perkara ini diberitahu oleh guru beliau di Kolej Sultan Abdul Hamid, Mohd. Zain Abd. Rashid pada majlis *Pengkisahan Sejarah Persekolahan Dr. Mahathir* di rumah kelahiran Perdana Menteri di Jalan Kilang Ais di sini hari ini.

Majlis itu diadakan sempena setahun perasmian rumah tersebut pada Disember tahun lalu.

Mohd. Zain memberitahu, selain sikapnya yang tidak suka menunjukkan, Dr. Mahathir juga pemalu, pendiam dan sentiasa menghormati guru.

Menurutnya, beliau mengajar Dr. Mahathir dari 1934 hingga 1935 dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

"Apa yang saya perhatikan beg buku beliau sentiasa penuh dan ini melambangkan semangat membaca dan belajar da-

lam dirinya begitu tinggi," kata Mohd. Zain.

Katanya, bila loceng sekolah berbunyi untuk waktu pulang ramai pelajar berebut-rebut keluar dari darjah sekalipun melintasi hadapan guru.

"Dr. Mahathir tidak akan bergerak sehingga guru itu melepasi beliau," kata Mohd. Zain.

Bekas guru Dr. Mahathir di Sekolah Kebangsaan Seberang Perak, Omar Mohamad pula menyifatkan Perdana Menteri sebagai pelajar yang kemas dengan pakaiannya yang bersih, berstokin dan berkastut.

Omar yang kebetulan tinggal di hadapan rumah Dr. Mahathir memberitahu, setiap hari beliau ke sekolah menaiki beca bersama abangnya, Masha-hor.

"Saya mengajar Dr. Mahathir dan abangnya dalam darjah satu dan dua kerana selepas itu mereka memasuki Kolej Sultan Abdul Hamid," kata Omar.

Guru Quran Dr. Mahathir, Zakaria Mohd. Noor memberitahu, beliau mengajar Dr. Mahathir mulai 1935 sehingga khatam pada tahun 1937.

Menurutnya, beliau mengajar Quran dari pukul 4 hingga 5 petang setiap hari dan beliau

menyifatkan Dr. Mahathir sebagai seorang yang pendiam dan tidak banyak bercakap.

Rakan sedarjah Dr. Mahathir, Osman Bakar memberitahu, beliau berkenalan dengan Dr. Mahathir di Sekolah Kebangsaan Seberang Perak.

Menurut Osman, bila Dr. Mahathir masuk ke Kolej Sultan Abdul Hamid, mereka berpisah tetapi bertemu semula di kolej tersebut dalam darjah lima.

Katanya, sejak itu mereka terus berkawan sehinggalah tercetus peperangan dan pelajaran mereka tergendala.

Seorang lagi rakan Dr. Mahathir, Ahmad Ariffin memberitahu, beliau menunjukkan minat menulis sejak di bangku sekolah lagi.

Katanya, minat itu berterusan bila beliau memasuki universiti dan banyak tulisannya termuat dalam akhbar *Sunday Times* dengan menggunakan nama C.H.E. Det.

Beliau berkata, Dr. Mahathir juga telah menunjukkan ciri-ciri semangat kebangsaan sejak di sekolah dan memainkan peranan aktif menampal poster-poster anti 'Malayan Union.'